

Terus suburkan semangat Bangkit Bersama



**NOOR MOHAMAD
SHAKIL HAMEED**

K EJAYAAN kontinen negara yang telah dinobatkan sebagai juara keseluruhan edisi ke-29 temasya Sukan SEA wajar dikupas dari pelbagai aspek positif kerana kecemerlangan yang telah ditampilkan oleh 469 wira dan 375 wirawati serta pegawai pasukan adalah satu pencapaian yang cukup luar biasa.

Banyak yang boleh diperkatakan dengan kejayaan manis di ‘rumah sendiri’ ini antaranya, kita berjaya menuai 145 pingat emas iaitu jumlah terbanyak dalam sejarah apabila jauh mengatasi sasaran dan pencapaian 111 emas yang dikutip pada edisi 2001 ketika melakar sejarah menjadi juara keseluruhan buat pertama kali pada temasya serantau ini.

Lebih membanggakan sebanyak 18 rekod Sukan SEA turut berjaya dipecahkan oleh atlet negara. Jadi secara peribadi penulis berpandangan kejayaan luar biasa dan catatan sejarah ini banyak dipengaruhi semangat *Bangkit Bersama* yang turut menjadi tema temasya dwitahunan kali ini.

Ternyata semangat *Bangkit Bersama* berjaya menyuntik tahap motivasi yang tertinggi dalam kalangan atlet negara yang dilihat menampilkan semangat juang yang cukup tinggi dengan beraksi bermati-mati demikian mewujudkan Jalur Gemilang megah berkibar dan akhirnya lagu *Negeraku* berjaya dikumandangkan sebanyak 145 kali.

Ini ditambah pula dengan semangat *Bangkit Bersama* yang diterjemahkan melalui sokongan padu seluruh rakyat baik di setiap lokasi mahu pun di hadapan kaca televisyen masing-masing.

Jadi penulis cukup tertarik dengan aura yang dimiliki oleh semangat *Bangkit Bersama* ini yang wajar disuburkan menjadi satu budaya yang positif dalam kalangan masyarakat merangkumi pelbagai aspek kehidupan sehari-hari.

Ringkasnya, semangat dan cogan kata yang membawa ini boleh diterapkan dalam semua aspek dan jangan hanya dihadkan



PENCAPAIAN cemerlang atlet Malaysia dalam Sukan SEA Ke-29 membuktikan semangat juang tinggi ahli sukan dan sokongan padu seluruh rakyat mampu menghasilkan kejayaan luar biasa. - GAMBAR HIASAN/UTUSAN

dalam dunia sukan semata-mata.

Sebelum kita kupas aspek lain, elok juga dilihat kembali sejauh mana semangat ini perlu terus disuburkan dalam kalangan atlet dan ahli sukan tanah air agar momentum kejayaan yang dicipta dalam KL2017 ini dapat diteruskan. Ingat, kita tidak mahu digelar jaguh kampung semata-mata yang mana hanya boleh menang di tempat sendiri ataupun sekadar di peringkat Sukan SEA.

Pertama, kita perlu buktikan kepada negara serantau betapa Malaysia sebenarnya jaguh sukan di rantau ini tidak kira siapa menjadi tuan rumah Sukan SEA. Jadi sudah tentu semua pihak tertunggu-tunggu untuk melihat kemampuan kita untuk mempertahankan kejuaraan pada edisi ke-30 di Filipina kelak. Justeru persiapan perlu bermula dari sekarang.

Kedua, kita juga perlu memastikan semangat *Bangkit Bersama* boleh membawa kejayaan kepada atlet di peringkat yang lebih tinggi. Misalnya, tahun hadapan negara ini akan menyertai Sukan Asia dan juga Sukan Komanwel iaitu dua siri kejohanan yang cukup berprestij tinggi sebelum ke Sukan Olimpik.

Jadi Malaysia perlu menyediakan atlet yang mampu mencabar di peringkat ini dan sekali gus membawa pulang sebanyak mungkin pingat terutamanya

pingat emas. Barulah kecemerlangan di Sukan SEA ini akan dilihat benar-benar memberi impak yang besar.

Secara prinsipnya perkara ini tidak mustahil untuk dicapai kerana mengikut rekod di mana dalam Sukan SEA kali ini sebanyak 396 atlet muda berjaya menyumbang 95 emas, 94 perak dan 96 gangsa. Malah seramai 268 atlet baharu yang bertanding pula turut cemerlang apabila meraih 71 emas, 29 perak dan 41 gangsa.

Jadi Malaysia sebenarnya tiada masalah dari segi kekurangan bakat muda dan baharu. Justeru apa yang penting adalah gilap mereka supaya terus konsisten dan meningkatkan kemampuan masing-masing dengan semangat *Bangkit Bersama*.

Pada masa sama semangat *Bangkit Bersama* ini juga perlu diperluaskan dalam pelbagai aspek kehidupan sosial lain. Misalnya, dalam konteks yang lebih besar membabitkan isu kenegaraan seperti usaha untuk mencapai Wawasan 2020 serta misi Transformasi Nasional 2050 (TN50).

Kita yakin kejayaan dasar dan misi penting seperti ini memerlukan semangat dan jati diri yang kental daripada seluruh rakyat negara ini baik yang muda maupun yang senior dan perlu merangkumi semua bangsa yang ada.

Dalam konteks ini penulis percaya salah satu formula mujarab

yang boleh mewujudkan semangat kekitaan dan kebersamaan dalam kalangan seluruh rakyat adalah dengan menerapkan dan menyuburkan semangat *Bangkit Bersama*. Kita perlu mendidik dan menyedarkan pelbagai lapisan rakyat betapa pentingnya maju secara bersama seperti yang gariskan oleh tema tersebut.

Dalam aspek perpaduan kaum serta semangat patriotisme juga kita boleh menjadikan semangat *Bangkit Bersama* sebagai formula yang cukup penting. Misalnya, perpaduan kaum mutakhir ini digambarkan agak longgar terutamanya apabila pelbagai isu sensitif mula dijadikan modal politik serta dijadikan alat untuk memecahbelahkan kesepadan sosial rakyat negara ini.

Maka perlu satu semangat baharu untuk menyedarkan masyarakat betapa jangan bermain api dan jangan hancurkan perpaduan kaum yang menjadi tulang belakang kejayaan negara selama ini.

Begitu juga hendaknya dalam konteks menupuk roh patriotisme dan semangat kebangsaan dalam kalangan setiap warga negara ini. Perlu diingatkan walau pun Malaysia sudah merdeka 60 tahun namun tiada jaminan kebebasan dan kemerdekaan itu akan kekal selamanya. Ia akan diragut dalam pelbagai cara yang lebih moden dan halus andai kita leka, terlalu selesa dan tidak berhati-hati.

Apa yang diperlukan adalah kekuatan semangat kebangsaan untuk bangkit bersama-sama mempertahankan kebebasan dan kemerdekaan. Kita khuatir generasi pasca merdeka masih kurang semangat jati diri kental yang diperlukan.

Maka secara umumnya fenomena *Bangkit Bersama* adalah satu semangat yang perlu ada dalam diri setiap rakyat negara ini agar boleh mara ke hadapan bersama-sama sebagai satu bangsa Malaysia yang berjaya. Jadi disyorkan agar suburkan dan budayakan semangat ini secara konsisten sepanjang masa dalam semua perkara dan bukannya bermusim atau untuk bidang sukan semata-mata.

PENULIS ialah Timbalan Pendaftar Fakulti Kejuruteraan, Universiti Putra Malaysia (UPM).